

Dr. Vida kemuka representasi kes GST

UM 16/11

IPOH 15 Nov. - Jutawan kosmetik, Datuk Seri Dr. Hasmiza Othman akan mengemukakan representasi kepada pihak pendakwaan berhubung 32 pertuduhan yang dihadapinya di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014.

Peguan Khairilazwar Khalil yang mewakili Pengasas Vida Beauty Sdn. Bhd. itu memaklumkan perkara tersebut ketika kes berkenaan disebut di Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Murtazadi Amran kemudian membenarkan permohonan pihak pembelaan itu dan menetapkan sebutan semula kes pada 15 Disember ini.

Terdahulu Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Raja Rozela Raja Toran yang mengendalikan pendakwaan memberitahu mahkamah, pihaknya bersedia untuk perbicaraan memandangkan tertuduh masih kekal dengan pengakuan tidak bersalah.

Pada 13 Oktober lalu, Hasmiza, 45, yang lebih popular dengan

panggilan Dr. Vida didakwa atas 16 pertuduhan gagal membayar GST berjumlah lebih RM4.2 juta dan 16 pertuduhan tidak mengemukakan penyata cukai tersebut sejak April 2015 sehingga Julai lalu.

Beliau didakwa melakukan semua pertuduhan tersebut di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Bahagian GST, Wisma Kastam, Jalan Tun Abdul Razak di sini pada 11 Februari, 1 Jun dan 22 September lalu.

Kesemua pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 41(7) dan 41(6) Akta GST 2014 yang masing-masing memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah sebelum ini membenarkan Hasmiza dibebaskan dengan jaminan RM1.76 juta bagi kesemua pertuduhan dan pasport serta dokumen perjalanan miliknya perlu diserahkan kepada mahkamah sehingga prosiding perbicaraan selesai.